KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA
# MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PENERBANGAN MAB DARI INDIA SEJAK 28 APR HANYA KARGO, TIADA PENUMPANG

Beberapa penjelasan mesti dibuat berikutan dakwaan penerbangan Malaysia Airlines dari India dibenarkan memasuki Malaysia menjadi viral di media sosial. Tidak dinafikan, ia menimbulkan kegusaran ramai dan saya berharap penjelasan ini dapat meredakan keadaan.

Selari dengan arahan Kerajaan selepas Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN), berkuatkuasa pada 28 April 2021, SEMUA penerbangan penumpang dari dan ke negara India dilarang memasuki Malaysia.

Hanya penerbangan kargo yang akan dibenarkan pada masa ini.

SEMUA penerbangan MH yang menjadi viral di media sosial merupakan PENERBANGAN KARGO.

Penerbangan pesawat penumpang juga kosong, dan digunakan untuk membawa muatan yang kebanyakannya adalah barangan farmasi, ubat-ubatan, telefon bimbit, komponen elektrik dan bungkusan kurier.

Mengubah penerbangan penumpang kepada kargo bukanlah sesuatu yang baharu (P2C penumpang-ke-kargo) dan dipraktikkan MAB selama berbulan-bulan sebelum ini susulan berlakunya pandemik COVID-19.

CAAM, MAS Kargo di bawah kendalian Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan Suruhanjaya Penerbangan Awam (Mavcom) juga telah mengesahkan fakta ini.

Semakan dengan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah juga mengesahkan bahawa kes seorang pemegang pas pekerja asing warga India

yang memasuki Malaysia adalah berlaku lebih awal iaitu pada 10 April.

Pelancong bukan Malaysia dari India tidak dibenarkan memasuki atau transit di Malaysia pada masa ini. Walau bagaimanapun, pengecualian akan dibuat untuk warganegara Malaysia yang memasuki Malaysia dari India tanpa melalui imigresen dan kastam.

Semua kru (juruterbang, jurutera, dan kru kabin) tetap berada di atas kapal. MAB juga melarang mana-mana krew penyelenggaraan pesawat dari India memasuki pesawat yang berkenaan.

Pekerja asing yang memegang pas lawatan kerja sementara, pekerja perniagaan, dan pelajar antarabangsa dari India juga akan dihalang tertakluk kepada arahan yang berkuatkuasa 28 April 2021.

Warganegara Malaysia (pelajar dan pekerja), keluarga mereka dan pasangan bukan warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia dari India juga dibenarkan dengan kuarantin mandatori 14 hari di pusat-pusat yang ditetapkan.

Untuk makluman, setelah mesyuarat MKN pada 28 April 2021 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berakhir pada pukul 5 petang, saya telah menganjurkan perjumpaan secara maya pada jam 5.10 petang dan secara peribadi berkomunikasi dengan semua pihak yang berkepentingan berdasarkan hasil pertemuan tersebut.

https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=1885993534901475&id=10023
45083266329

Walaupun saya sangat kesal dengan penyebaran beberapa maklumat yang salah mengenai status penerbangan ini, namun saya memberi jaminan kepada rakyat bahawa Kerajaan begitu prihatin dan peka dengan situasi di negara seluruh dunia dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan.

**MAB FLIGHTS FROM INDIA SINCE APR 28 ONLY CARRYING CARGO, NO PASSENGERS**

Some clarification must be made following allegations of Malaysia Airlines flights from India being allowed to enter Malaysia going viral on social media. Understandably, some quarters would worry during these trying times and I hope to help to allay some concerns about these flights.

As per Government instructions following a National Security Council meeting, effective 28 April 2021, ALL passenger flights from and to the country of India are prohibited from entering Malaysia.

Only cargo flights will be permitted at this time.

The MH-designated flights going viral on social media, are ALL cargo-only flights.

Flights on passenger aircraft are also empty of people and are used to carry freight comprising pharmaceutical goods, medical supplies, mobile phones, electrical components, and courier packages.

Converting passenger flights to cargo-only flights has been a practice (dubbed P2C passenger-to-cargo) for MAB for many months now due to the pandemic.

CAAM, MASkargo under Malaysia Airlines Berhad (MAB) and MAVCOM will also corroborate these facts.

A check with the Health Department DG Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah also verified that a case of an Indian foreign worker with a valid pass entering Malaysia occurred much earlier on 10 April. Take care not to conflate these two dates which are separate events.

Non-Malaysian travelers from India are not allowed to enter or even transit

through Malaysia at this time. However, exceptions will be made for Malaysian citizens transiting through Malaysia from India, without clearing Immigration and Customs.

All crew (pilots, engineers, and one cabin crew) remain onboard. MAB is also restricting ground maintenance personnel in India from entering the relevant aircraft.

Foreign workers holding temporary working visit passes, business workers, and international students from India will be similarly restricted under the 28 April 2021 order.

Malaysians (students and workers), their families and non-Malaysian spouses of Malaysians returning to Malaysia from India are allowed with a 14-day mandatory quarantine at designated centres.

For the record, after the MKN meeting on 28 April 2021 chaired by PM Tan Sri Muhyiddin Yassin ended at 5pm, I have organised a virtual meeting at 5.10pm and personally communicated with all stakeholders based on the outcome of the said meeting.

https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=1885993534901475&id=10023
45083266329

While it is regrettable that some misinformation had occurred on the status of these flights, I assure you the Government is aware of the concerns and situation in all our foreign neighbours and is taking the necessary steps to contain further transmissions in Malaysia.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**
**3 MEI 2021**

**-TAMAT-**

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

**Tentang MOT**:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media:**


**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Fax +603 8892 0208
E-mail sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my